



**KERJA-KERJA MENGANGKAT DAN MENGALIH STRUKTUR TAMBATAN
"MOORING DOLPHIN" YANG RUNTUH DI TERMINAL LAFARGE
CEMENT, NORTHPORT DI SUNGAI PULUH, PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang
Berkaitan.
Tarikh : 25 Mei 2007.

Adalah dimaklumkan bahawa Syarikat Rumex (M) Sdn Bhd akan menjalankan kerja-kerja mengangkat dan mengalih struktur tambatan (*mooring dolphin*) yang runtuh di Terminal Lafarge Cement (KCJ), Northport di Sungai Puluh, Pelabuhan Klang. Keseluruhan pakej kerja-kerja berkenaan yang dijangka akan memakan tempoh masa selama kira-kira 2 bulan itu, dijangka akan dimulakan pada **30 Mei 2007**.

2. Dimaklumkan juga bahawa pihak kontraktor (Syarikat Rumex) akan menggunakan vesel-vesel yang berdaftar atau berlesen yang sah, yangmana isyarat/lampu-lampu siang dan malam yang bersesuaian akan turut dipasangkan mengikut peraturan-peraturan dan perundangan maritim yang berkuatkuasa.

3. Selaras dengan itu juga, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada kawasan kerja.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Gerakan Merin)